

## PROMOSI PERBELANJAAN DI LUAR NEGARA DENGAN MASTERCARD® HONG LEONG ISLAMIC

### Terma & Syarat

Dikemaskini pada 4 Disember 2018

### TEMPOH PROMOSI

1. **“Promosi Perbelanjaan Di Luar Negara Dengan Mastercard® Hong Leong Islamic”** (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) bermula pada **7 Disember 2018** dan berakhir pada **6 Januari 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### KELAYAKAN

2. Promosi ini terbuka kepada Kad Debit-i MasterCard HLISB (“Pemegang Kad”) dan kriteria kelayakan penyertaan adalah seperti berikut:
  - (a) Promosi terbuka kepada Pemegang Kad Debit HLISB warga Malaysia (“Pemegang Kad”).
  - (b) Pemegang Kad berikut **TIDAK** layak menyertai Promosi:
    - (i) Pemegang Kad Debit Hong Leong Bank Berhad;
    - (ii) Yang memiliki Kad Debit-i Bank yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
    - (iii) Yang memiliki Kad Debit-i Junior Bank;
    - (iv) Yang akaun Kad Debit-i mereka TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada CASA-i yang telah ditutup, tak aktif atau melanggar mana-mana Terma & Syarat Bank pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Promosi dan/atau sebelum 6 Januari 2019; dan
    - (v) Yang akaun Kad Debit-i mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipuan, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debit-i mereka tak aktif atau dibatalkan mengikut takrifan Bank pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi dan/atau sebelum 6 Januari 2019.

### KAEDAH PROMOSI

### KRITERIA PENYERTAAN

3. Pemegang Kad haruslah melakukan sekurang-kurangnya satu perbelanjaan urus runcit tempatan apa-apa amaun dalam Tempoh Promosi untuk melayakkan diri dalam promosi ini.
4. Setelah memenuhi kriteria penyertaan seperti tersebut di atas, Pemegang Kad yang melakukan perbelanjaan sebanyak RM500 secara kumulatif di mana-mana tempat jualan atau pembelian runcit bersemuka di mana-mana cawangan runcit di luar negara dalam mata wang asing (“Perbelanjaan Layak”) menggunakan Kad Debit-i Hong Leong Islamic Mastercard mereka dalam Tempoh Promosi adalah layak untuk mendapatkan Pulangan Tunai seperti ditetapkan dalam fasal 8 di bawah.
5. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi berikut TIDAK dianggap sebagai Perbelanjaan Layak:
  - (i) Semua pengeluaran wang tunai daripada Mesin Juruwang Automatik (“ATM”);
  - (ii) Pembelian dalam talian/melalui internet (walaupun stor dalam talian itu mungkin berpangkalan di luar Malaysia dan/atau transaksi adalah dalam mata wang asing);
  - (iii) Semua urus niaga runcit dalam negara;

- (iv) Arahan tetap seperti pengebilian automatik;
  - (v) Penukaran Mata Wang Dinamik dilakukan menggunakan Ringgit Malaysia
6. Urus Niaga Tempatan **tidak termasuk** yang berikut:
- (a) Urus niaga dibayar balik, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
  - (b) Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit; atau
  - (c) Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai yang dikenakan oleh HLISB.
7. Penjejakkan Perbelanjaan Layak dan Urus Niaga Runcit Tempatan akan berdasarkan tarikh perbelanjaan dan urus niaga Waktu Malaysia yang berjaya dicatatkan dalam sistem HLISB sepanjang Tempoh Promosi dan HLISB berhak untuk menentukan urus niaga yang akan dianggap sebagai Perbelanjaan Layak dan/atau Urus Niaga Runcit Tempatan.

## **PULANGAN TUNAI**

8. Apabila sahaja Pemegang Kad memenuhi Kriteria Penyertaan dan memenuhi syarat-syarat Perbelanjaan Layak seperti di atas (“Pemegang Kad Layak”), dia akan menerima pulangan tunai RM50 berdasarkan Perbelanjaan Layak mereka yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen. Jadual di bawah menggambarkan scenario-senario untuk memperolehi Pulangan Tunai:

Perbelanjaan Layak Secara Kumulatif	Bilangan Urus Niaga Runcit Tempatan	Pulangan Tunai Diperolehi*
RM1,500	1	RM50
RM600	6	RM50
RM400	9	RM0
RM600	0	RM0

\*Pulangan Tunai dianggap ‘hibah’ (pemberian) daripada HLISB kepada Pemegang Kad Layak.

**Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Layak tidak berhak mendapat sebarang Pulangan Tunai sekiranya Perbelanjaan Layak Secara Kumulatif kurang daripada RM500 dan/atau tiada Urus Niaga Runcit Tempatan dilakukan sepanjang Tempoh Promosi.**

9. Pemberian Pulangan Tunai kepada Pemegang Kad Layak adalah atas dasar siapa cepat, dia dapat dan tertakluk kepada peruntukan Pulangan Tunai yang dihadkan kepada RM40,000 bagi Promosi ini sepanjang Tempoh Pempen.
10. Perbelanjaan Layak yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran sepertimana ditentukan oleh HLISB atas budi bicara mutlaknya.
11. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Belian Runcit Kad Debit-i Pemegang Kad Layak (Akaun Simpanan-i/Akaun Semasa-i yang dipautkan kepada Kad Debit-i) dalam masa dua-belas (12) minggu selepas tamatnya Promosi. Pada dasarnya, Pemegang Kad Layak berkewajipan memberitahu HLISB sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai dalam masa 60 hari selepas berakhirnya Promosi, jika gagal berbuat demikian, maka Pemegang Kad Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai itu dan sebarang rayuan atau permintaan pembayaran ganti tidak akan dilayani oleh HLISB.

12. HLISB tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kelewatan dalam pencatatan sebenar Perbelanjaan Layak, Urus Niaga Runcit Tempatan dan/atau Pulangan Tunai yang diperolehi.
13. HLB tidak berkewajipan memberitahu Pemegang Kad Layak apabila Pulangan Tunai mencecah Peruntukan Pulangan Tunai maksimum (iaitu RM40,000) semasa Tempoh Promosi.

## **UMUM**

1. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad:
  - (a) Bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
  - (b) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
  - (c) Bersetuju nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung), nombor Kad Debit (dalam bentuk terlindung atau foto mereka disiarkan dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan atau Laman Web HLISB untuk tujuan Promosi ini (jika berkenaan);
  - (d) Keputusan HLISB atas semua hal berkenaan dengan Promosi dan Pulangan Tunai adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad dan sebarang surat-menurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLISB tidak akan dilayani; dan
  - (e) Bersetuju untuk menanggung sendiri segala cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penerimaan Pulangan Tunai.
2. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Akaun Am Akaun dan Terma dan Syarat Kad Debit-i Hong Leong, atau mana-mana terma dan syarat berkenaan yang mungkin ditetapkan oleh HLISB dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
3. HLISB berhak:
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma dan Syarat terkandung di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian atas budi bicara mutlaknya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLISB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender; dan
  - (b) meminda Pulangan Tunai dan/atau menggantikannya dengan produk lain yang sama nilainya atau lain warna atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLISB.
4. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang.
5. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
6. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLISB akan diutamakan.

7. Jika sekiranya terdapat percanggahan dari segi terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, maka terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

**Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Sertaan layak dilindungi oleh PIDM.**